



الغرفة التجارية الإسلامية الماليزية  
ديوان قردايسنن اسلام مليسيا  
DEWAN PERDAGANGAN ISLAM MALAYSIA  
MALAYSIAN ISLAMIC CHAMBER OF COMMERCE

## KONGRES EKONOMI ISLAM KE TIGA (KEI-3)

\*\*\*\*\*

### “JIHAD BISNES” SATU PENDEKATAN STRATEGIK KE ARAH PEMERKASAAN EKONOMI UMMAH

Oleh :  
TAN SRI DATO' MUHAMMAD ALI HASHIM  
KETUA EKSEKUTIF  
JOHOR CORPORATION  
*mahh@jcorp.com.my*

**12 JANUARI 2009**



الغرفة التجارية الإسلامية الماليزية  
ديوان قردايسين اسلام مليسيا  
DEWAN PERDAGANGAN ISLAM MALAYSIA  
MALAYSIAN ISLAMIC CHAMBER OF COMMERCE  
BIRO KORPORAT @ CORPORATE BUREAU

## **KONGRES EKONOMI ISLAM KE 3**

### **“JIHAD BISNES”**

#### **– SATU PENDEKATAN STRATEGIK KE ARAH PEMERKASAAN EKONOMI UMMAH**

*(mahh,.8 Januari, 2009)*

##### **Menebus Maruah Umat**

1. Kelemahan ekonomi umat Islam, walaupun telah lama mendapat perhatian kerajaan dan negara-negara Islam, rata-rata masih lagi menghantui mereka dan semakin meruncing kedudukannya. Dalam satu Forum Ekonomi Islam Sedunia anjuran OIC yang diadakan pada 2006 di Pakistan, Ebrahim Patel seorang CEO korporat, dalam pembentangan Kertasnya telah menegaskan: "... walaupun umat Islam menguasai 75 peratus rizeb terbukti hidro-karbon di dunia," ... daripada 1.6 bilion jumlah besar umat, " 24 peratus berpendapatan kurang daripada US \$ 2 sehari, ... 39 peratus hidup di bawah garis kemiskinan, dan lebih daripada 50 peratus buta huruf ... "

2. Jelas sekali bahawa kelemahan dan ketandusan kuasa ekonomi yang berpanjangan telah mengakibatkan kemerosotan pengaruh dan kuasa politik. Kekecundangan ini mungkin menjadi salah satu punca utama ramai di kalangan umat bertindak ganas, langsung ada yang menyalahkan negara-negara Barat sebagai punca terbesar peminggiran mereka dari arus utama dunia. Hal ini semakin mendapat perhatian dunia, terutama setelah berlakunya peristiwa 11 September, 2001 yang melibatkan pemusnahan Menara Kembar New York, yang nyata telah dilakukan oleh kumpulan ekstremis Islam (al-Qaeda) yang anti-Barat.

3. Kebetulan pula terdapat banyak bukti sejarah yang jelas memperlihatkan tindakan Barat menjajahi, memeralat, mengguna *"double standard"*, dan mengeksploitasi ekonomi negara-negara dan kerajaan Islam dengan rakus dan kerap juga secara kejam dan zalim. Selain itu, kemakmuran dan kekayaan ekonomi Barat menerusi keupayaan mereka menguasai teknologi sains dan *"teknologi organisasi"* telah melebarkan lagi jurang sehingga negara-negara Islam dan negara-negara sedang membangun lain semakin tertekan dan semakin jauh ketinggalan di belakang. Banyak negara-negara Islam kemudiannya langsung dilabel sebagai negara kecundang atau *"Failed states"*.

4. Penguasaan umat Islam ke atas sumber petroleum dan hidro-karbon yang jelas memihak kepada mereka berupaya mengseimbangkan sedikit agihan kuasa ekonomi dunia. Bagaimanapun, hal ini telah turut menyemarakkan nafsu di kalangan beberapa kuasa Barat khasnya Amerika Syarikat (di bawah anjuran kelompok Neo-Conservative - 'Neo-Con' - iaitu antara pendokong paling berpengaruh pemerintahan Presiden George W. Bush). Presiden Bush kemudiannya telah menggunakan alasan pemusnahan Menara Kembar New York pada 11 September, 2001, untuk menakluk Iraq dan menganjur penaklukan terhadap Afghanistan oleh Pakatan Bersekutu antarabangsa. Penaklukan Iraq jelas sekali bermotif menguasai sumber minyak dan gas Iraq kerana Iraq adalah salah sebuah negara pengeluar terbesar di dunia.

5. Kelompok berpengaruh Neo-Con Amerika telah sebenarnya melebarkan agenda Bush sehingga menjadikannya satu doktrin bercorak anti-Islam. Ini ternyata apabila Bush menggunakan istilah *'Crusade'* (Perang Salib) ketika melancarkan serangan balas Amerika. Doktrin anti-Islam telah juga dibawa ramai yang lain, termasuk David Frum dan Richard Perle, iaitu antara pengasas ideologi Neo-Con. Dalam buku bertajuk: *"An End to Evil, How to Win the War on Terror"*, mereka pernah menyatakan bahawa "ketewasan dan kekecundangan" Islam "... bukan sahaja telah melukai perasaan umat Islam: ia mencabar kebenaran Islam itu sendiri." (*Islam's "... defeats and disasters have been more than a wound to Muslims: they directly challenge the truth of Islam itself."*)

6. Tegasnya, cabaran yang dihadapi oleh umat Islam hari ini adalah satu cabaran "hidup-mati" atau survival umat dan agama Islam itu sendiri sebagai ad-Deen. Tidak hairan sekiranya ramai di kalangan umat di seluruh pelosok dunia yang telah bangkit bertindak atas landasan semangat "Jihad", termasuk dengan respon yang ekstrem, sama ada secara individu maupun berkelompok. Ramai pula yang langsung sanggup bertindak ganas dan melampaui batasan, sama ada secara bersendirian ataupun seiring, kalau tidak sekalipun seangkatan dengan badan dan organisasi seperti al-Qaeda. Malangnya, tindakan militan ekstrem dan ganas ini telah seolah-olah menjadi ciri utama respon umat sejauh ini, sekaligus memburukkan lagi

keadaan. Usaha yang lebih berkesan perlu dilakukan oleh golongan arus utama umat (sebagai "*the silent majority*") untuk menerajui semula respon dan tindak balas atas landasan jalan pertengahan, sederhana dan membina, serta menerusi kaedah yang menjamin kedamaian, keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan.

7. Salah satu pilihan utama bertindak secara aman dan membina ialah menerusi pengalihan fokus kepada memperjuangkan "jihad" di bidang ekonomi. Dalam konteks sistem ekonomi global yang jelas diterajui dan dipacu bisnes hari ini, tumpuan kepada pendekatan "Jihad Bisnes" amat relevan dan kritikal.

### **Melayu Memperkasa Ekonomi Malaysia**

8. Cita-cita Melayu (dan Bumiputera) untuk memperkasa ekonomi mereka di tanah air jelas telah tidak dapat dijayakan sepenuhnya sejauh ini, sekalipun teraju kuasa politik dipegang oleh mereka. Kini, perjuangan untuk mencapai matlamat yang sama semakin diragukan, setelah politik Melayu kelihatan semakin berpecah. Usaha Melayu untuk menguasai ekonomi terbantut apabila DEB gagal mencapai matlamatnya. Kegagalan ini menyebabkan konsep dan agenda DEB mudah dipersoalkan dan kini relevan dan kelangsungan DEB dipertikai menyebabkan ianya mungkin mustahil dihidupkan kembali. Beberapa hujah telah digunakan, termasuk DEB dituduh sebagai terlalu berat sebelah dan mirip perkauman (pro-Melayu) ekstrem. Dari satu lagi sudut berlainan, DEB juga dikatakan telah disalahguna dan di salah tadbir pelaksanaannya sehingga menyebabkan pilih kasih, kronisma, salah guna kuasa dan juga tuduhan keghairahan '*excesses*', pembaziran dan korupsi.

9. Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) telah selama ini mengiktiraf betapa besar dan banyaknya sumbangan manfaat dan kebaikan DEB kepada kemakmuran bangsa, serta sumbangannya yang bukan sedikit terhadap kesejahteraan dan kestabilan negara Malaysia sejak DEB dilaksanakan, sekalipun terdapat kelemahan pelaksanaan. Kestabilan, kemakmuran dan kesejahteraan telah turut dicapai setelah DEB berupaya meningkatkan kepentingan ekonomi Melayu dari cuma 3 peratus kepada lebih 20 peratus. Walaupun kemudiannya peratusan ini merosot, DEB telah berjaya memangkinkan perseimbangan ekonomi antara kaum yang telah menjamin kelangsungan kestabilan, kemakmuran dan perpaduan negara.

**10. Ringkasnya, DPIM, khasnya Biro Korporat DPIM, berpendapat 'Agenda DEB' memerlukan satu definisi semula yang relevan buat suasana masakini. Ia juga memerlukan pemikiran semula konsep serta susunan strategi dan pembaharuan institusi yang berupaya membasmi ketidakadilan sekaligus mengatasi kelemahan dalam pelaksanaan. Tidak kurang penting, konsepsi**

semula ini perlu mengambil kira dimensi global, kerana pertama, sistem ekonomi dunia semakin jelas sifat globalnya. Kedua, kebangkitan bangsa Melayu yang beragama Islam tidak dapat dipisahkan dari cabaran yang sedang dihadapi oleh umat Islam di peringkat global. Selanjutnya, mana-mana anjuran kebangkitan Melayu yang tidak dipaksakan kepada strategi yang serasi dengan pegangan hidup Melayu kepada agama Islam yang begitu sehati dengan jiwa mereka, cuma akan menimbulkan konflik baru dan akan berakhir dengan kegagalan.

**11. Usaha memperkasa ekonomi umat Islam di Malaysia khasnya, sesuai sekali dijayakan dalam konteks sistem ekonomi persaingan yang dinamik lagi *market-driven* untuk meneruskan kepesatan pertumbuhannya. Dengan demikian, menjana kekayaan dan menambah nilai ekonomi menerusi pembinaan keupayaan dan kehandalan bersaing merupakan teras kejayaan. Disamping itu, keupayaan mengatasi lawan di pasaran perlu pula didampingi keupayaan dan susunan strategi berkesan merealisasikan matlamat menegakkan keadilan dan keseimbangan seperti yang tegas dianjurkan oleh Islam. Jelasnya, apapun yang dilakukan, prinsip keadilan dan memperjuangkan keseimbangan tidak harus dikompromi. Pemerksaan ekonomi Melayu yang mengeneipkan keadilan dan keseimbangan tidak merupakan suatu kejayaan yang sempurna dan bermakna.**

**12. Dalam membina kedaulatan ekonomi bangsa, DPIM dan Biro Korporat DPIM dengan tegas dan aktif mendorong dan menggalak semua ahli bisnes dan korporat Melayu dan Muslim, kecil, sederhana dan besar, supaya terus-menerus mengasah bakat keusahawanan untuk memburu kejayaan bisnes dan menghimpun harta kekayaan. Kejayaan menghimpun harta kekayaan sangat penting untuk mengelakkan kelemahan ekonomi dari terus mengakibatkan kepentingan agama, bangsa dan negara tergadai, seperti yang kelihatan tanda-tanda nyata ke arah itu dewasa ini.**

**13. Juga tidak kurang penting, pada akhirnya, ialah kewajipan bersama menentukan supaya dalam usaha membentuk kedaulatan ekonomi bangsa, agihan harta kekayaan negara, sekiranya tidak dapat adil dan saksama sepenuhnya, tidak pula wajar dibiarkan memihak kepada golongan tertentu sahaja. Pemilikan harta kekayaan yang menjadi teras kepada kuasa ekonomi dan politik perlu diseimbangkan, dengan tidak membiarkan ianya hanya "berputar di kalangan orang-orang kaya" dalam masyarakat, sekalipun yang sebangsa dan seagama. (Lihat maksud Al Qur'an, Al Hashr, 59:7).**

**14. Berdasarkan anjuran Al Qur'an tersebut, DPIM berpendirian bahawa agenda yang menjurus kepada menegakkan keadilan dan keseimbangan wajar dan wajib terus diperjuangkan oleh semua pihak, lebih-lebih lagi mereka yang memegang teraju kekuasaan politik. Cabaran untuk menyusun**

dasar dan strategi, membentuk institusi serta menyediakan kemudahan yang boleh menterjemahkan agenda ini sehingga menjadikannya satu realiti dalam kehidupan masyarakat Malaysia adalah sebenarnya satu kewajipan besar yang tidak harus dipandang ringan oleh sesiapa.

15. Sebenarnya, golongan terbesar 'bukan bisnes' di kalangan masyarakat, iaitu semua anggota masyarakat sebagai pengguna (*consumers*), juga 'berkuasa' dan mempunyai peranan besar dan penting dalam usaha menjayakan matlamat. Setiap pengguna serta badan-badan NGO pengguna mempunyai kuasa seumpama pengundi yang menggunakan kuasa undi mereka sewaktu pilihanraya. Cuma bagi pengguna, kuasa dizahirkan dengan menggunakan setiap ringgit dan sen yang dibelanja. Pilihan untuk berbelanja yang terjurus ke arah memperkukuh kekuatan ekonomi bangsa dan umat, misalnya dalam mengutamakan aspek halal-haram, tidak harus dipandang ringan, dan sebenarnya sangat berkesan dalam mempengaruhi kejayaan atau sebaliknya.

16. Jelasnya, DPIM dan Biro Korporat tegas dengan pendirian bahawa usaha mendaulatkan ekonomi bangsa dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia tidak bermakna sama sekali andainya prinsip keadilan dan keseimbangan tidak ditegakkan. Seterusnya, usaha besar ini menuntut supaya bukan sahaja digalakkan penglibatan penuh dan pengembangan golongan peniaga, usahawan dan ahli bisnes. Malahan penglibatan golongan masyarakat bukan-bisnes, termasuk pengguna dan NGO Melayu amnya, wajar sekali turut bersama memainkan peranan.

17. Tegasnya, pemeriksaan ekonomi umat Islam menuntut sumbangan bersama semua, bukan sahaja golongan peniaga, usahawan dan ahli bisnes, sama ada kecil, sederhana, besar dan korporat, malahan termasuk golongan besar bukan-bisnes dalam masyarakat. Semua golongan bertanggungjawab, dan dalam hal ini, kepentingan semua juga tidak harus diabaikan dan dikesampingkan dan hak mereka diketepikan atau dilepas pandang. Tidak namanya Jihad Bisnes andainya golongan terbesar, khasnya golongan bukan bisnes dalam masyarakat, terus terpinggir dan dikesampingkan.

18. Malangnya, dalam konteks sistem pasaran anjuran kapitalisme global pengenalan Barat (khasnya seperti amalan negara-negara Anglo-Saxon Amerika Syarikat dan Britain) kerap menzahirkan ciri-ciri liar dan buas, sehingga kepentingan golongan besar bukan bisnes dalam sistem mereka lebih selalu dikesampingkan. Jelas terlihat setelah berlakunya krisis ekonomi yang berpunca dari krisis kewangan, perbankan dan kemerosotan nilai aset yang bermula di negara-negara Barat pada September, 2008, bahawa ketimpangan dan kepincangan sistem yang rakus ini tidak dapat lagi dipertahankan. Hakikat ini menekankan betapa pentingnya Malaysia

**khasnya, dan negara Islam lain amnya, mencari satu model baru yang menjamin kelangsungan pertumbuhan tanpa kepincangan dan kerakusan.**

**19. Dengan demikian sesuatu anjuran untuk membina keupayaan ekonomi Melayu, sekaligus bermatlamat memperkasa ekonomi Malaysia serta menebus maruah umat Islam tidak akan sempurna dan tidak akan diterima baik selagi kesan akibat peminggiran dan kesempingan ini tidak diberi perhatian dan dibasmi. Dalam hal ini, DPIM menegaskan bahawa terdapat dua isu pokok yang harus diberi pertimbangan dan diambil kira dalam usaha memperjuangkan Jihad Bisnes dan mencari pembaharuan kepada sistem ekonomi sejagat.**

**20. Pertama, MENJAYAKAN PERTUMBUHAN PESAT EKONOMI YANG SEIMBANG, BERTUJUAN MENEGAKKAN KEADILAN (YANG MEMENUHI DAN MENEPATI TERAS AJARAN ISLAM), DENGAN MENJADIKAN SASARAN EKONOMI MELAYU 65% (BUKAN 30%)**

**21. Prinsip keadilan dan keseimbangan menuntut ketegasan semua kerajaan dan pemerintahan yang didokong oleh rakyat dan warganegara Malaysia (di peringkat pusat dan juga di semua negeri), supaya memperjuangkan pertumbuhan pesat ekonomi, sekaligus mempertahankan semua program yang bertujuan merealisasikan matlamat menegakkan keadilan dan keseimbangan.**

**22. Untuk mencapai sepenuhnya prinsip ini, kepentingan golongan masyarakat bisnes kecilan dan sederhana perlu terus mendapat pembelaan supaya semua mereka dapat berkembang dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran negara. Disamping itu, dalam usaha membentuk asas-asas pemerksaan ekonomi bangsa, DPIM sebelum ini telah pun mengambil pendirian bahawa prinsip keadilan menuntut bahawa sekiranya golongan warganegara Muslim berjumlah 65% daripada jumlah penduduk Malaysia, maka kepentingan dan manfaat ekonomi untuk mereka sewajarnya mencerminkan peratusan 65% kedudukan mereka, dan bukan kurang dari peratusan tersebut.**

**23. Tegasnya, pemerksaan ekonomi yang dimahukan tidak harus merupakan sesuatu yang memberi kekayaan, tetapi sebaliknya mengakibatkan ketidakadilan ekstrem dan mengorbankan nilai hidup dan jatidiri. Pemerksaan ekonomi umat Islam juga tidak bermakna sama sekali, andainya kemajuan dan pembangunan yang dicapai mengakibatkan konflik dan perpecahan berpanjangan, cuma kerana yang berbisnes dan kaya bertambah kaya dan yang lain ketinggalan dan terpinggir dari arus utama ekonomi. Peminggiran dan kesempingan boleh berlaku dengan mudah dan berleluasa di bawah sistem ekonomi yang diamalkan di seluruh dunia hari**

ini, iaitu sistem ekonomi persaingan pacuan pasaran bersendikan kapitalisme amalan Barat, khasnya menurut acuan Amerika Syarikat.

24. Dalam amalan sistem kapitalisme acuan Barat tersebut, yang menjadi teras kepada tamadun Barat, dilihat banyak sifat liar dan buasnya yang lebih dipamirkan: termasuk perebutan sumber alam, penindasan dan penjajahan, kerosakan alam sekitar, pemusnahan institusi sosial, dan seumpamanya (yang pada umumnya boleh dilabel sebagai "*Westoxication*"). Ia juga mengakibatkan meluasnya ketidakadilan ekstrem. Hari ini, tiga orang manusia paling kaya di dunia, adalah lebih kaya daripada 500 juta umat manusia. Seterusnya, 5 buah korporat MNC gergasi Barat memiliki harta kekayaan bernilai lebih daripada jumlah bajet negara-negara yang bertanggungjawab ke atas setengah daripada jumlah umat manusia di dunia.

25. Di Malaysia sendiri, hari ini, 40 orang warganegara terkaya memiliki nilai aset dan harta bersamaan hampir satu pertiga jumlah nilai harta milik seluruh warganegara Malaysia. Sistem yang jelas melampau 'berat sebelah' ini pula menyebabkan ketidakadilan melampau apabila dilihat terlalu mudah bagi yang kaya untuk terus bertambah kaya dan yang lainnya ketinggalan dan terpinggir. Hal ini, sekiranya dibiarkan berterusan boleh mengundang konflik lebih besar, khasnya dalam konteks tekanan hidup yang sangat mencabar akibat peningkatan harga barang dan pertambahan kos sara hidup. Lebih-lebih lagi dengan terbitnya krisis ekonomi global yang bermula di Amerika di akhir 2008 yang menyebabkan kegawatan ekonomi global dan dijangka akan mengakibatkan kemerosotan dan kemelesetan berpanjangan seluruh ekonomi dunia.

**26. Kedua, MEMPERBAHARUI PERANAN INSTITUSI SYARIKAT DAN KORPORAT MELAYU SERTA GLC-GLC DAN MENJADIKAN MEREKA TERAS KEPADA STRATEGI MEMPERKUKUH EKONOMI NEGARA SUPAYA TINGGI TAHAP DAYASAING GLOBAL, DISAMPING MEMPERKASA EKONOMI BANGSA YANG JUGA ADIL, SEIMBANG LAGI BERKELANGSUNGAN**

27. Dalam hal ini, Biro Korporat DPIM berpendirian bahawa matlamat memacu pertumbuhan dan memperkasa ekonomi negara yang turut menjamin keadilan dan mencapai keseimbangan wajib diberi sokongan institusi. Pembentukan institusi Islamik lagi pro-bisnes yang berkesan menjamin keberlangsungan usaha adalah langkah kritikal dan amat berstrategi. Pada akhirnya, pemerikasaan ekonomi yang bermakna mesti turut menegakkan jatidiri bangsa yang berteraskan nilai Islam dan yang menegakkan syiar dan panji-panji kebesaran Islam sebagai ad-Deen, tanpa mengeneipkan, mengkesampingkan atau mengkompromi hak asasi semua warga Malaysia dan pemastautin lain.

28. **Pemeriksaan ekonomi bangsa Melayu dan umat Islam menuntut pembaharuan peranan syarikat dan korporat Melayu serta GLC-GLC sebagai institusi dalam masyarakat. Peranan baru institusi ini perlu meneruskan ciri pro-pasaran yang dapat memperjuangkan dengan berkesan penambahan kekayaan dan pertambahan nilai untuk semua. Namun matlamat akhirnya bukan untuk menghimpun harta kekayaan swasta sehingga mengeneppikan kepentingan awam. Institusi korporat dan GLC perlu melindungi kepentingan keadilan dan keseimbangan sistem. Yang penting ialah konsep institusi yang diperkenalkan juga didokong oleh satu formula dasar baru serta susunan strategi yang secara kolektif, pada akhirnya, akan memungkinkan pencapaian sepenuhnya peratusan ideal matlamat memperkasa ekonomi Melayu dan umat Islam yang diterjemah ke dalam sasaran hakmilik 65%.**

29. **Untuk menuju ke arah pencapaian matlamat tersebut, keutamaan di peringkat awal ialah menentukan kuasa ekonomi negara diseimbangkan supaya tidak hanya berpusat kepada segolongan kecil individu dan famili dalam masyarakat seperti yang terdapat hari ini di Malaysia, di mana harta kekayaan berpusat di dalam tangan kira-kira 40 orang individu dan keluarga terkaya. Pemusatan harta kekayaan yang ekstrem ketidakadilannya ini perlu diseimbangkan untuk membendung kesan eksklusifnya dan mengelakkan konflik masa depan, khasnya memandangkan bahawa di bawah sistem kapitalisme rakus model Barat sangat mudah sekali bagi golongan yang kaya melipatgandakan harta kekayaan, sedangkan yang lain, pada sebahagian besarnya, akan terus ketinggalan dan terkesampingan dan dipinggir.**

30. **Langkah mengseimbangkan pemilikan harta kekayaan negara boleh dikesan mengikut ukuran mudah (seperti ukuran yang digunakan di bawah DEB sebelum ini), iaitu bahagian nilai saham di pasaran saham Bursa Malaysia. Bagaimanapun, berlainan dengan ukuran DEB sebelum ini, untuk tujuan keseimbangan, seluruh milik GLC harus diambilkira dan milik saham Melayu dan GLC ini pula harus diukur bukan mengikut nilai kos modal berbayar tetapi pada nilai sebenar pasaran modal (*market capitalisation*). (Perhatikan bahawa di akhir 2007, nilai pasaran saham di Bursa Malaysia milik bumiputera dan semua GLC dianggar telah pun melebihi 40% dari jumlah nilai pasaran keseluruhannya).**

31. **Pegangan hakmilik GLC ini pula wajar diiktiraf sebagai sebahagian daripada 'hakmilik institusi amanah' negara yang boleh digunakan bagi tujuan mengimbangi kekurangan dan kelemahan kepentingan, khasnya dari kalangan bangsa Melayu dan umat Islam.**

32. **Kaedah yang fokus kepada korporat tersenarai dan GLC ini membebaskan semua SME dan syarikat yang tidak tersenarai daripada terlibat dalam isu agihan atau imbalan, dan dengan demikian semua syarikat dan SME akan memberi fokus tenaga dan sumber cuma kepada**

usaha menambah nilai masing-masing tanpa campurtangan dan gangguan. Lebih penting lagi, satu pakej dasar khas untuk membantu semua pengusaha kecil dan sederhana (tanpa mengira kaum yang turut menggalakkan kerjasama dan persepakatan antara semua golongan), perlu digubal dengan sokongan pembiayaan serta insentif yang berkesan untuk menggalakkan perkembangan semua mereka tanpa pilih kasih.

**33. Ringkasnya, fokus agenda menegakkan keadilan dan keseimbangan harus ditumpukan kepada sektor korporat. Bagi sektor korporat, pelaksanaan agenda keseimbangan boleh diteraskan kepada peranan GLC sebagai institusi amanah di segala peringkat, iaitu negeri dan Persekutuan. Untuk tujuan ini, langkah menswastakan GLC kepada milik peribadi mesti dihentikan sama sekali.**

**34. Sebaliknya, semua GLC perlu dipertingkatkan peranan dan diperhebat prestasi masing-masing. GLC wajar diiktiraf dan disifatkan sebagai berperanan amanah yang sangat penting untuk mengseimbangkan sistem ekonomi dan membendung ketidakadilan melampau. Mereka juga perlu diwajibkan mengatur program berkesan untuk membuka peluang bisnes baru kepada usahawan dan syarikat SME berdasarkan prinsip komersial dan pasaran. Dengan cara yang sama, mereka berperanan membina barisan dan lapisan usahawan *entrepreneur* dan *intrapreneur* masa depan bangsa dan negara.**

**35. Bagaimanapun, penglibatan utama peranan GLC ini perlu dilaksanakan dengan syarat-syarat berikut:-**

- 1) Pengiktirafan peranan strategik institusi serta pakej dasar dan strategi yang mengiringinya tidak akan merosakkan sistem pasaran dan tidak merendahkan keupayaan sistem ekonomi Malaysia menjana nilai dan harta serta bersaing dengan negara-negara lain di dunia. Dalam hal ini pihak kerajaan di semua peringkat perlu menggunakan hikmah dan kebijaksanaan tinggi supaya tidak merosakkan keefisienan perjalanan sistem pasaran. Langkah bijak beberapa negara yang berjaya membebaskan dan meleraikan atau "decouple" pengurusan hal ehwal politik dari pengurusan hal ehwal bisnes sehingga memacu pesat pertumbuhan ekonomi boleh dicontohi;**
- 2) Pendekatan yang digunakan tidak merampas hak dan kepentingan serta golongan mana-mana pihak, sama ada warganegara atau bukan, dan juga tidak mengenegapikan kepentingan sesiapa dan tanpa memaksa sesiapa**

mengurangkan hak dan bahagian masing-masing, melainkan mengikut kaedah dan ketentuan pasaran;

- 3) Tidak harus ada had tempoh masa pencapaian sepenuhnya matlamat keseimbangan, khususnya dalam usaha mencapai sasaran 65% hakmilik ekuiti saham di Bursa Malaysia (termasuk milik GLC);
- 4) Syarat paling utama ialah bahawa pegangan hakmilik GLC dan badan amanah Kerajaan dikekalkan dan tidak diswastakan kepada sesiapa. Malahan sebahagian dari kepentingan ini dianjurkan supaya diwaqafkan (sebagai "Waqaf Korporat"), untuk mengelakkan penswastan dan supaya pada akhirnya tidak lagi dikira sebagai "milik Kerajaan"
- 5) Syarat paling penting ialah menentukan supaya peranan utama GLC dan Syarikat Amanah dikendalikan dengan penuh bijaksana dan pertanggungjawaban mengambilkira disiplin pasaran serta ukuran prestasi pasaran sepenuhnya. Lembaga pengarah dan Ketua Eksekutif (CEO) GLC perlu diberi autonomi dan pertanggungjawaban, tertakluk kepada prestasi, dan pengawalan yang dilakukan mengikut amalan korporat sejagat dan selaras dengan undang-undang negara. Dalam hal ini, campurtangan politik peribadi dan berkepentingan wajar diketepikan sama sekali, termasuk mana-mana anjuran supaya ahli-ahli politik dan bekas-bekas ahli politik "dikitar semula" dilantik menjadi pengarah di GLC atau di syarikat-syarikat milik GLC tanpa asas yang wajar.

**36. Tegasnya, apa sekalipun dasar dan pakej strategi baru yang diperkenalkan, harus berlandaskan sistem *market-driven* dan sistem persaingan yang sihat dalam usaha menjana nilai dan harta kekayaan. Proses menjana nilai dan harta tidak sekali-kali harus terhenti, ditekan atau disekat, malah digalakkan dan diperhebatkan. Kedaulatan ekonomi bangsa tidak akan tercapai selagi tidak tampil syarikat-syarikat, badan-badan korporat dan GLC yang dipimpin oleh anak bangsa yang dinamis, handal bersaing dan berjaya dalam bisnes mengikut ukuran pasaran sepenuhnya.**

**JIHAD BISNES DIJADIKAN STRATEGI UTAMA PEMERKASAAN EKONOMI, SEKALIGUS MEMBENDUNG KEZALIMAN KAPITALISME LIAR DAN BUAS**

**37. Dalam memperjuangkan pemeraksaan ekonomi yang adil dan seimbang, satu penggemblingan usaha dan tenaga yang total yang melibatkan seluruh bangsa Malaysia amnya dan bangsa Melayu khususnya, tidak kira warna**

ideologi politik atau corak fahaman sosial, wajib dijayakan. Bagi Melayu dan umat Islam, perjuangan besar ini memerlukan satu gagasan yang boleh menjamin kebulatan dan kegagahan bangsa berteras kepada iltizam dan tenaga spiritual yang ampuh.

38. DPIM berpendapat bahawa menjadikan amalan bisnes sebagai satu usaha bertaraf Jihad berupaya melibatkan dan membulatkan semua peringkat dan lapisan umat. "Jihad Bisnes" turut membawa pengertian bahawa kejayaan bisnes diburu sebagai sebahagian dari amal ibadah dan amal soleh, dan dilihat dari perspektif ini ia seharusnya menjadi sumber motivasi dan sumber tenaga spiritual (*spiritual energy*) yang berupaya menyemarakkan semangat gagah dan perkasa yang tidak mengenal lelah dan kalah dalam persaingan. Dengan demikian, DPIM telah menjadikan Jihad Bisnes sebagai misi perjuangan dan gagasan utama perjuangannya.

39. Sesungguhnya satu gagasan seperti Jihad berupaya melibatkan semua, sama ada ahli bisnes, pejuang politik, ulama, profesional dan para intelektual serta golongan bukan bisnes, pengguna dan masyarakat amnya, bersama-sama berpegang teguh kepada "Tali Allah" yang satu dalam perjuangan yang satu. Jihad adalah merupakan formula perkasa kurniaan Islam yang jelas sekali berupaya memobilisasikan dan memperkasa umat Melayu-Islam ke arah kebulatan usaha dan tindakan. Apabila diaplikasikan ke dalam medan bisnes, Jihad Bisnes pula berupaya menjadi teras kepada usaha memperkasa ekonomi bangsa dan membina keupayaan bersaing negara sehingga ke peringkat global.

40. Tujuan utama DPIM menganjurkan supaya bangsa Melayu menerapkan nilai Jihad ke dalam bisnes ialah supaya, dalam memperkasa ekonomi bangsa, kita tidak pula memperkembangkan sistem kapitalisme *laissez-faire* nafsu-nafsi, rakus, liar dan buas terus dibiarkan berleluasa merajai suasana dan iklim ekonomi negara. Kerana sekiranya satu pembaharuan yang benar-benar bermanfaat tidak dilakukan, maka mudarat ketidakadilan dan kezaliman ekonomi akan berpanjangan dan akan membawa padah yang lebih buruk kepada bangsa dan negara dan mencetus konflik lebih besar di masa depan.

41. Istilah "Jihad Bisnes" dan bukan "Jihad ekonomi" dipilih memandangkan hakikat bahawa sistem ekonomi global dewasa ini adalah dipacu oleh bisnes (iaitu sistem ekonomi yang '*Business-driven*'). Ia menuntut fokus langsung kepada bisnes, dengan tumpuan utama kepada usaha menambah nilai ekonomi, menjana kekayaan dan membina keupayaan organisasi korporat Islamik. Kerana jelas sekali bahawa konsep organisasi korporat sebagai satu lembaga ciptaan undang-undang yang 'tidak mati' dan lebih panjang 'hayatnya' melewati hayat semua manusia, tanpa dimensi Islam, adalah pemangkin dan punca utama harta kekayaan himpunan korporat

berleluasa hampir tanpa had sehingga mengakibatkan ketidakadilan ekstrem dan kezaliman sistem.

42. Seterusnya, menerusi Jihad Bisnes umat Islam dianjurkan supaya mengalihkan tumpuan berlebihan terhadap menjayakan institusi perbankan Islam kepada institusi penjana nilai dan harta kekayaan sebenar, iaitu organisasi korporat yang dipimpin oleh usahawan *entrepreneur* atau *intrapreneur*. Menghalalkan dan "mengIslamkan" sistem kewangan sangat penting, dan alhamdulillah, Malaysia mendahului di bidang ini. Namun usaha "menghalalkan" sistem tidak cukup andainya terhenti di sektor perbankan semata-mata. Lebih-lebih lagi diperhatikan, pendekatan menerusi sistem perbankan tidak memberi kelebihan strategi kepada umat untuk menang dalam persaingan global. Kerana hari ini jelas kelihatan bahawa semua bank, termasuk yang dimiliki kepentingan global bukan Islam, kini dapat menggunakan kaedah perbankan Islam dan berleluasa memberi khidmat perbankan Islam kepada semua pelanggan, tidak kira Muslim atau bukan Muslim.

43. Dengan demikian, langkah yang lebih berkesan strategi dan sebenarnya lebih penting dalam tindakan "menghalalkan" sistem perlu beralih tumpuan dari perbankan Islam kepada usaha "mengIslamkan" sektor syarikat dan korporat, khasnya dari aspek pegangan hakmilik institusi ini. Kerana andainya ini tidak dilakukan, impak ketidakadilan dan kezaliman sistem berteraskan kapitalisme (yang kini dicontohi dan digunakan oleh semua negara Islam di dunia), tidak akan dapat dikawal dan dibendung, sekaligus mengkompromi nilai keadilan dan keseimbangan yang diutamakan oleh Islam.

44. Selanjutnya, dalam hal ini, dari perspektif Islam, Jihad Bisnes perlu dilihat dalam konteks konsep "Jihad al-akbar" yang sekaligus menuntut kegigihan mengawal nafsu serakah, dan kesanggupan tinggi berkorban kepentingan diri disamping membina keupayaan dan kegagahan usaha untuk mengatasi semua halangan dan rintangan di kalangan ahli bisnes dan korporat Muslim, sehingga mencapai kejayaan di tahap paling tinggi. Umat Islam diseru dengan tegas supaya membendung dan mengawal nafsu, (lihat Al Qur'an, Al Furqaan, 25:52:), khasnya nafsu dalam mengejar harta kekayaan peribadi yang boleh mengakibatkan tumbuhnya sifat-sifat kikir, bakhil, tamak haloba, kerakusan dan keserakahan.

45. Dalam konteks Jihad Besar ini pula, perjuangan Jihad Bisnes menuntut supaya bisnes dan korporat mengintegrasikan sepenuhnya prinsip Amanah langsung ke dalam semua aspek amalan bisnes, terutama sekali dalam aspek pegangan hakmilik aset dan harta, saham dan modal. Mereka juga diseru supaya tidak meniru bulat-bulat kaedah dan pendekatan umat bukan Islam mana yang jelas sekali merosak dan memudaratkan.

46. Tegasnya, Jihad Bisnes menyeru supaya ahli bisnes Muslim, dengan sokongan dan dokongan semua golongan masyarakat Islam, segera menyumbang bahagian mereka kepada penjanaan nilai dan kekayaan untuk memperkasa ekonomi bangsa, negara dan ummah. Namun, dalam melaksanakan kewajipan ini, Jihad Bisnes menyeru supaya bangsa Melayu mengeneppikan 'Westoxication' dan menolak semua kaedah dan pendekatan kapitalisme yang buas dan rakus. Mereka berkewajipan membina bisnes dengan menegakkan keadilan, menjayakan seruan amar makruf dan nahi munkar, disamping berdakwah menerusinya. Dalam usaha ini pula, tidak semua amalan bisnes Barat harus dibuang dan diketepikan. Cuma ciri-ciri "Westoxication" yang mengkahyal, mempesona, memudarat dan meracuni yang mesti diketepikan.

47. Ringkasnya, JIHAD BISNES mempunyai dua matlamat besar seperti berikut:-

- PERTAMA, MEMPERKAYA DAN MEMPERKASA BANGSA MELAYU DAN UMAT ISLAM SEHINGGA TERCAPAI SASARAN 65% DI PERINGKAT NEGARA DAN MENEBUS MARUAH UMAT ISLAM DI PERINGKAT GLOBAL.

(STRATEGI UTAMA: MENERUSI MEMBINA DAYA KEUSAHAWANAN DAN DAYA SAING TINGGI SERTA KEUPAYAAN BISNES BERORGANISASI).

- KEDUA, MEMBENDUNG DAN MENYUSUN SEMULA SISTEM EKONOMI KAPITALISME LIAR DAN BUAS SUPAYA LEBIH ADIL DAN SAKSAMA DENGAN MENERAPKAN AMANAH SEHINGGA MENZAHIRKAN CIRI-CIRI 'SISTEM EKONOMI HALAL' BERLANDASKAN ISLAM.

(STRATEGI UTAMA: MENGINSTITUSIKAN AMANAH KE DALAM STRUKTUR HAKMILIK SYARIKAT DAN BADAN-BADAN KORPORAT, SERTA MENGUTAMAKAN PENGLIBATAN GLC DISAMPING MENEGASKAN PERANAN AMANAH MEREKA, SEKALIGUS MENOLAK LANGKAH PENSWASTAAN).

48. Penerapan Amanah ke dalam hakmilik institusi adalah usaha penting dengan tujuan jangka panjang untuk mensucikan sistem ekonomi daripada ciri-ciri yang ditolak dan dilarang oleh Islam, termasuk penggunaan sistem kewangan berdasar riba' serta semua corak "Westoxication", seperti penipuan, eksploitasi, penindasan, ketidakadilan, kezaliman, dan segala corak kerosakan yang terbit daripada amalan-amalan negatif, memudaratkan kehidupan, dan merendahkan martabat atau memusnahkan sifat keinsanan manusia.

**49. Andainya berjaya dimulakan oleh bangsa Melayu di Malaysia, sebagai salah sebuah negara Islam termaju di dunia, insya Allah, kejayaan matlamat Jihad Bisnes ini boleh dijadikan sumbangan bangsa Melayu kepada dunia Islam sejagat. Sumbangan ini sangat besar makna dan pengertiannya dalam keadaan umat Islam di seluruh dunia hari ini yang begitu ketandusan upaya dan kuasa, ditindas dan diperkosa, tertekan, terdesak, terpinggir dan kelihatan seolah-olah langsung kebingungan dan kehilangan punca.**

**50. Selain daripada berjihad mengatasi desakan nafsu kerakusan untuk kepentingan diri, Jihad Bisnes adalah bertujuan menguasai pasaran di tangan bangsa Melayu dan umat Islam, sekaligus menterjemahkan kuasa dan kedaulatan ekonomi ini ke dalam bentuk strategi penyusunan semula hakmilik bisnes dan korporat untuk menegakkan keadilan dan keseimbangan. Perjuangan ini jelas sekali menuntut kegigihan dan kegagahan luar biasa di kalangan ahli-ahli bisnes dan korporat Melayu-Muslim.**

**51. Dalam memburu kejayaan dan kekayaan mereka juga dituntut mengejar keberkatan dan keredhaan dari kekayaan yang dijana, berlandaskan prinsip bahawa semua harta kekayaan adalah amanah yang dipertanggungjawabkan. Ia juga perlu terbit dari kesedaran bahawa kekuatan umat Islam khususnya adalah terletak kepada pegangan hidup yang tidak keterlaluan mementingkan dunia dan material, selain dari ianya sebagai wadah untuk "berlumba-lumba berbuat baik" (*fastabiqul khairat*, Al Quran, 2:148), untuk mendapat keredhaan Ilahi.**

**52. Demikian juga, Jihad Bisnes wajib dijayakan atas prinsip bahawa manfaat darinya akan memperkaya dan memperkasa umat Islam supaya mereka tidak hanya akan berterusan "meminta-minta", atau mengharapkan "tongkat" dari orang lain, atau menjadi usahawan "kuda kepong" yang berjaya cuma dengan menumpang kaki orang lain. Seruan Jihad Bisnes adalah berdasarkan prinsip ajaran Islam bahawa "tangan yang memberi – iaitu tangan yang di atas – adalah lebih mulia daripada tangan yang menerima – tangan yang di bawah!" Jihad Bisnes juga menegaskan supaya ahli bisnes Muslim akan membina dan menjayakan bisnes mereka "seolah-olah mereka akan hidup selama-lamanya", dan menginfakkan manfaat bisnes mereka dan mengorbankan semua ke jalan kepentingan besar Islam "seolah-olah mereka akan mati esok"!**

### **WAQAF KORPORAT MENUJU JIHAD BISNES**

**53. Seterusnya, langkah pembaharuan untuk memperkasa ekonomi bangsa dan menebus maruah umat perlu mengseimbangkan sistem dengan memperkenalkan institusi Waqaf Korporat yang dijadikan pemegang amanah dan pemilik kekal utama (khususnya dalam bisnes berstrategi, termasuk dalam syarikat yang tersenarai di Bursa).**

54. Untuk menuju ke arah itu, salah sebuah GLC Malaysia, iaitu Johor Corporation (JCorp), telah pun mendahului dengan langkah mewaqafkan sebahagian saham-saham PLC miliknya bernilai (NAB) RM200 juta pada Ogos, 2006. JCorp memulakan inisiatif waqaf ini sebagai pembuka jalan dan insya Allah akan berterusan mewaqafkan saham miliknya, dengan tujuan pada akhirnya untuk mentransformasikan JCorp menjadi institusi Waqaf Korporat. (JCorp kini memiliki lebih 250 buah syarikat, 9 tersenarai di Bursa Malaysia dan London, dengan nilai modal pasaran berjumlah RM6.8 bilion pada akhir 2008, dan mempunyai warga kerja melebihi 54,000 orang sejauh ini).

55. Selain Waqaf Korporat dapat menegakkan keadilan sistem, ia juga berupaya mengatasi ketirisan hakmilik Melayu dan umat Islam yang menghantui mereka selama ini. Sememangnya ketirisan dan kebocoran akan menghantui mana-mana sistem hakmilik yang berteraskan kepada individu dan keluarga, yang pada umumnya payah dipertahankan melebihi generasi kedua atau ketiga selepas pengasasnya. Waqaf Korporat berkeupayaan menjamin kelangsungan dan juga berpotensi besar menjadi pemangkin kepada pembentukan MNC Islamik untuk bersaing dengan MNC gergasi di peringkat global. Bagi menepati ciri Islaminya pula, institusi Waqaf Korporat wajib menjayakan program tanggungjawab sosial korporat berlandaskan Islam (*Islamic CSR*). (Dalam urusan ini, JCorp antara lainnya, turut mendokong beberapa institusi Islam termasuk masjid dan rumah anak yatim, selain dari menjayakan rangkaian 9 buah Klinik dan Hospital Waqaf An-Nur di seluruh negara - khasnya untuk manfaat lebih 430,000 orang warganegara miskin Malaysia sejauh ini - termasuk ramai bukan Muslim).

56. Untuk menjayakan konsep Waqaf Korporat, hak milik bisnes perlu terlebih dahulu disandarkan kepada pegangan berorganisasi, terutama organisasi syarikat korporat atau GLC. Sebenarnya, berlandaskan organisasi lebih memudahkan dan memangkinkan waqaf. Sesungguhnya, pendekatan berjihad secara berorganisasi menepati anjuran Al Quran (As Saf, 61:4), yang maksudnya jelas menyatakan bahawa Allah S.W.T amat mengasihi mereka yang berjihad di jalanNya, supaya mendirikan barisan-barisan "seolah-oleh mereka dalam satu binaan yang tersusun kukuh". Sudah pasti jenis organisasi yang harus dipilih bukan jenis organisasi korporat yang akhirnya 'keparat'; dan dalam hal ini, konsep institusi Waqaf Korporat MNC Islamik pasti mempunyai kelebihan.

57. Usaha memperkasa ekonomi bangsa Melayu dan menebus maruah umat Islam sejagat tidak akan berjaya dan sempurna dibentuk selagi bangsa Melayu dan umat Islam tidak berjaya memperkenalkan satu pendekatan alternatif kepada kapitalisme liar dan buas tanpa mengengapikan dinamisme sistem tersebut. Ciri-ciri dinamis sistem persaingan pasaran, apabila

digandingkan dengan institusi waqaf korporat dan dikendalikan berlandaskan prinsip Jihad Bisnes adalah berwibawa dari perspektif matlamat bisnes, selari pula dengan ajaran Islam dan sekaligus berupaya membendung impak ekstrem ketidakadilan dan kezaliman kapitalisme liar dan rakus.

58. Langkah mula JCorp dengan konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat yang tetap pro-bisnes dan pro-pasaran, lagi gagah dan gigih menjana harta kekayaan menerusi pendekatan yang tidak merosakkan dinamisme iklim bisnes perlu disusuli oleh GLC lain. Penguasaan ekonomi menuntut bangsa Melayu segera membina 'critical mass' barisan GLC dan korporat-korporat waqaf yang mempunyai kedudukan bisnes strategik dalam sistem ekonomi. Cuma setelah adanya 'critical mass' korporat milik Melayu dan milik Muslim yang berwibawa, berkelangsungan dan berjaya di pasaran barulah akan tercapai sepenuhnya matlamat memperkasa ekonomi bangsa dan menebus maruah umat dan agama Islam sebagai ad-Deen.

### Kesimpulan

59. Kesimpulannya, dalam usaha membina ekonomi Melayu dengan tujuan untuk memperkukuh ekonomi Malaysia dan pada akhirnya memperkasa ekonomi umat Islam, Kongres Ekonomi Islam Ke 3 digesa menerima gagasan JIHAD BISNES dengan menerapkan dan menginstitusikan AMANAH langsung ke dalam sistem pegangan hakmilik usaha sebagai teras strategi. Konsep Jihad Bisnes yang menggembling kekuatan ekonomi, khasnya menerusi kegiatan barisan depan GLC dan korporat swasta sebagai institusi korporat amanah, berupaya membina tahap daya saing dan dayatahan ekonomi negara serta memacu pertumbuhan pesatnya. Dengan demikian, Jihad Bisnes seharusnya dibudayakan dan dimasyarakatkan secara meluas.

60. Agenda Jihad Bisnes, apabila digandingkan dengan pembaharuan institusi menerusi konsep WAQAF KORPORAT, diyakini dapat dijadikan benteng utama kekuatan ekonomi bangsa dan umat. Menerusinya juga akan tercapai matlamat keseimbangan kuasa ekonomi supaya lebih adil dan tidak ekstrem berat sebelah dan 'eksklusif' serta memihak hanya kepada yang berada, yang berpengaruh, dan yang kaya-raya.

61. Pengalaman JCorp setelah lebih tiga dekad berbisnes, dan lebih sedekad beramal atas landasan Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat, sesungguhnya membuktikan bahawa kedua-dua konsep pembaharuan ini sebenarnya berupaya membentuk semangat juang yang hebat dan sumber motivasi perkasa. Ia juga berupaya memperkasa ekonomi bangsa. Dalam pengalaman JCorp, ia turut memberi kelebihan bersaing korporat (*corporate competitive advantage*) yang luar biasa kehebatannya, alhamdulillah,

sehingga JCorp berjaya memenangi beberapa pertarungan besar di medan persaingan di pasaran.

62. Pada akhirnya, agenda Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat tidak juga dapat menyelesaikan semua persoalan berkaitan usaha membentuk keadilan sistem tanpa adanya program *Islamic CSR* yang komprehensif. Yang tidak kurang penting ialah perlunya agenda Jihad Bisnes diiringi dengan pakej strategi yang berkesan untuk membantu, membimbing dan menggalakkan pembesaran usaha bisnes di kalangan peniaga dan usahawan kecil dan sederhana Melayu di semua peringkat dan lapisan di bawah bimbingan organisasi korporat. GLC amanah dan organisasi Waqaf Korporat sebenarnya boleh menjayakan program-program pembangunan usahawan *entrepreneur* atau *intrapreneur*, secara lebih berkesan daripada apa yang dicapai sebelum ini di bawah DEB, lebih-lebih lagi apabila dilaksanakan menerusi kaedah pasaran.

63. Demikian juga, akhirnya agenda Jihad Bisnes tidak akan lengkap dan sempurna selagi seruan Islam supaya perniagaan dan bisnes dijadikan sembilan persepuluh sumber rezeki bagi bangsa Melayu dan umat Islam keseluruhannya masih belum dapat dijadikan realiti kehidupan ekonomi bangsa dan umat Islam amnya. Satu rangkaian bisnes dan korporat berstrategi yang melibatkan semua, sama ada usahawan kecil, bisnes milik keluarga, syarikat swasta mahu pun GLC-GLC, perlu diadakan, mungkin dengan peranan aktif yang boleh dimainkan oleh badan-badan seperti Dewan Perdagangan Islam Malaysia.

64. Institusi Waqaf Korporat harus diperluaskan sehingga berjaya menerajui beberapa bisnes strategik. Menerusi institusi waqaf ketirisan dan kebocoran hakmilik dapat diatasi. Menerusinya juga pegangan hakmilik akan dapat dilangsungkan turun-temurun disamping menambah-himpun nilai harta kekayaan untuk kepentingan besar jangka panjang bangsa dan umat.

65. Bisnes yang ditujukan ke jalan Jihad dengan di amanahkan hakmiliknya ke dalam Korporat Waqaf lebih mudah dapat bertahan dan kebal dan kekal berkesinambungan, insya Allah sampai kiamat. Bagaimana pun, ini tidak akan tercapai selagi tidak dipenuhi satu lagi syarat besar seperti yang ditetapkan oleh Islam. Iaitu pengendalian dan pengurusannya, kepimpinan dan terajunya wajib diserahkan hanya kepada yang ahli dalam bisnes dan korporat. Kerana Islam jelas sekali mengingatkan bahawa andainya diserahkan amanah kepada yang bukan ahli, maka bangsa Melayu dan umat Islam perlu "menunggu sahaja kehancurannya".

66. Ketirisan dan kebocoran serta keruntuhan dan kekecundangan usaha bangsa Melayu dan umat Islam di bidang ekonomi selama ini mungkin telah berlaku dan terus-menerus menghantui semua kerana bangsa Melayu dan

**umat Islam pada umumnya telah tidak berpegang teguh kepada prinsip anjuran Islam ini. Pertama, kita telah banyak mengabaikan "amanah", dan kedua, kita kerap telah tidak menyerahkan amanah kepada "yang ahli"!**

**Kertas Kerja Oleh Tan Sri Muhammad Ali Hashim  
Ketua Eksekutif, Johor Corporation  
Pengerusi, Biro Korporat,  
Merangkap Naib Presiden,  
Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM)**

**Dibentangkan di KONGRES EKONOMI ISLAM KETIGA,  
Kuala Lumpur,  
12 Januari, 2009.**